

17 JAN 2003

MAHATHIR-VALUECAP/I

VALUECAP BUKAN UNTUK MENYELAMAT SESIAPA, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan peranan Valuecap Sdn Bhd, dengan menyatakan syarikat pengurusan aset yang baru ditubuhkan itu bukan untuk menyelamatkan sesiapa dan diuruskan oleh pihak yang mematuhi undang-undang dan mengikuti peraturan-peraturan pasaran.

Oleh kerana Valuecap dibiayai oleh agensi kerajaan, beliau berkata syarikat pengurusan aset itu mempunyai hak untuk melabur sama seperti orang lain melabur dan dan berhak membeli saham yang terkurang harga.

"Anda jual, Valuecap akan beli, saya rasalah," katanya kepada pemberita selepas pelancaran program "The Fast Track Program of InventQjaya," yang merupakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) baru Multimedia Development Corporation (MDC) dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Valuecap, dengan dana bernilai RM10 bilion, mensasarkan untuk membeli saham-saham yang mempunyai nilai asas tetapi terkurang harga.

Sejak pengumuman penubuhannya pada Jumaat minggu lalu, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah melonjak dan mencecah paras 670 mata semalam.

Pasaran berada dalam pembetulan teknikal hari ini dengan Indeks Komposit turun 0.80 mata kepada 669.34 pada sesi tengah hari.

Valuecap, dengan dana bernilai RM10 bilion dimiliki bersama oleh Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Dr Mahathir berkata "mereka (Valuecap) bukan untuk menyelamatkan sesiapa. Mereka bukan kumpulan penjenayah. Mereka adalah orang yang mematuhi undang-undang dan melaksanakan apa yang dibenarkan di negara ini."

Beliau berkata sudah pastinya Valuecap mempunyai "kepentingan kerana kerajaan telah melabur dalam banyak syarikat."

"Jika sesetengah orang cuba menurunkan nilai saham, Valuecap mempunyai hak membeli saham tersebut," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya oleh seorang wakil media asing mengenai persamaan Valuecap dengan satu skim yang diperkenalkan di Hong Kong untuk menyokong pasaran ketika kemuncak krisis kewangan.

Penganalisis yang dipetik dalam laporan berita di Hong Kong waktu itu menyifatkan langkah tersebut sebagai positif tetapi sebaliknya, satu risiko baru diperkenalkan dalam keseluruhan pasaran, sebagai contoh menjangkakan kerajaan akan campur tangan setiap kali pasaran saham berdepan dengan kesukaran.

Kepada soalan ini, Dr Mahathir dengan sinis berkata: "Tak mengapa, apa sahaja boleh dilakukan. Kami melakukan banyak perkara, sebagai penjenayah yang dikutuk oleh setiap orang, seolah-olah kami akan menjahanamkan pasaran."

"Kami adalah ancaman kepada negara. Kita lihat nanti sama ada Valuecap adalah ancaman kepada Malaysia ataupun tidak," katanya. -- BERNAMA

LES SHO/MR ZK